

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 24 Tahun 2020

PEKELILING ARAHAN PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/ BERSEMUKA SERTA KEMASUKAN SEMUA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI SESSI OKTOBER 2020

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/ Bersemuka Serta Kemasukan Semua Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Sessi Oktober 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- 2.2 Berikutan peningkatan kes mendadak dan kluster COVID-19 di negeri Sabah serta pertambahan kes positif COVID-19 yang mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah di Semenanjung Malaysia, pihak UiTM amat prihatin akan keselamatan warga UiTM dan masyarakat secara umumnya.
- 2.3 UiTM adalah universiti terbesar di Malaysia dan mempunyai hampir 170,000 orang pelajar yang ditempatkan di 35 kampus di seluruh negara. UiTM Shah Alam yang terletak di negeri Selangor adalah kampus induk yang menempatkan 40,986 orang pelajar dan 4,761 orang staf.
- 2.4 Terkini dilaporkan bahawa Selangor mencatatkan kadar kebolehjangkitan (Rt) 1.95 lebih tinggi daripada Sabah (Rt: 1.29), berikutan peningkatan dalam jumlah kes harian baru daripada dua hingga tiga kes kepada 10 ke 15 kes. (Kenyataan KKM pada 30 September 2020)

- 2.5 Mengambilkira perubahan situasi semasa ini dan merujuk kepada pemakluman terkini daripada KKM dan kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020, pihak kementerian prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.
- 2.6 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti Bil 6/2020 pada 2 Oktober 2020 telah bersetuju untuk menangguhkan Pendaftaran Secara Fizikal/ Bersemuka Serta Kemasukan Semua Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Sessi Oktober 2020.

3.0 PELAKSANAAN

Semua pelajar UiTM adalah diminta untuk mengambil perhatian dan mematuhi arahan seperti berikut:

- 3.1 Semua pelajar UiTM di seluruh Malaysia adalah **ditangguhkan** untuk melapor diri secara fizikal ke kampus UiTM sehingga penularan wabak COVID-19 terkawal dan bergantung kepada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), KKM dan KPT dari semasa ke semasa.
- 3.2 Bagi pelajar-pelajar baharu, anda dikehendaki untuk melaksanakan pendaftaran secara dalam talian.
- 3.3 Untuk pelajar baharu bagi semester 1, sesi 2020/2021 Minggu Destini Siswa (MDS) sedang berlangsung secara dalam talian mulai 28 September 2020 hingga 3 Oktober 2020. Manakala bagi pelajar penerapan, Program Pemantapan Destini Siswa (PDS) akan dilaksanakan secara dalam talian mulai 3 hingga 4 Oktober 2020.
- 3.4 Semua pelajar (baharu dan lama) adalah diminta untuk meneruskan pengajian secara kaedah terbuka dan jarak jauh/ *Open and Distance Learning* (ODL) mulai 12 Oktober 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak. **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan**.
- 3.5 Semua aktiviti pelajar yang dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat hendaklah **ditangguhkan** sementara waktu termasuk semua aktiviti yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor atau Ketua PTJ sebelum ini.
- 3.6 **Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, pelajar boleh kekal berada di kampus masing-masing. Namun begitu, pelajar dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing dan segala proses pengajaran dan pembelajaran akan diadakan secara kaedah terbuka dan jarak jauh/ *Open and Distance Learning* (ODL).**
- 3.7 Bagi pelajar yang masih ingin memasuki atau berada di kawasan kampus **dimestikan** mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 melalui sistem SaringC19UiTM secara dalam talian setiap hari dan *check-in* di setiap pintu masuk bahagian/ unit di UiTM dengan mengimbas QR Code menggunakan aplikasi MySejahtera dan SaringC19UiTM.

Pihak UiTM akan terus memantau perkembangan wabak ini serta menyalurkan maklumat terkini dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada:

- (i) Bilik Gerakan Utama COVID-19 UiTM - Waktu Pejabat: 8:00 pagi – 5:00 petang (Tel: 03-55447893); selepas waktu pejabat: (*Whatsapp*:011-20742823).
- (ii) Bilik Gerakan Pusat Kesihatan UiTM – Waktu Pejabat: 8:00 pagi – 5:00 petang (Tel: 03-55443983/ 3984/ 3985/ 3986); selepas waktu pejabat: (*Whatsapp*: 03-55443984/ 011-3573984).
- (iii) Dr. Zaiton Nasir, Pengarah Pusat Kesihatan UiTM (Tel: 03-55443631/ 019-2210060; emel: zai@uitm.edu.my)
- (iv) Dr Shairul'azam Sahar, Ketua Unit Perubatan, PK UiTM (Tel: 03-55443629, emel: shair393@uitm.edu.my)
- (v) Dr Nurfazlinda Md Shah, Ketua Unit Kesihatan Awam, PK UiTM (Tel: 03-55443823/ 019-2726949); emel: nurfa898@uitm.edu.my)
- (vi) Semua Bilik Gerakan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) dan Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan (rujuk lampiran disertakan).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada **2 Oktober 2020**.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **2 Oktober 2020**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Tempoh pelaksanaan arahan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan KKM dan MKN.
- 6.3 Kegagalan pelajar mematuhi pekeliling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Semua Warga UiTM*

Bil. Fail : 500-HEP (PK 12/1/7) Jilid 2
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 24

LAMPIRAN

NO BILIK GERAKAN JAWATANKUASA OPERASI BENCANA NEGERI DAN UNIT KESIHATAN UiTM KAMPUS CAWANGAN

Bil	Kampus	Bilik Gerakan COVID-19 UiTM Kampus Cawangan	Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan
I. UiTM Cawangan Selangor (UCS)			
1	Kampus Puncak Alam	03-2586000	03-32584131
2	Kampus Puncak Perdana	-	03-79622344
3	Kampus Sungai Buloh	-	016-2632207
4	Kampus Dengkil	-	03-89245797/ 5781
II. UiTM Cawangan Melaka			
1	Kampus Alor Gajah	06-5582768	06-5582062
2	Kampus Bandaraya Melaka	-	06-2821711
3	Kampus Jasin	-	06-2645732
III. UiTM Cawangan Negeri Sembilan			
1	Kampus Kuala Pilah	06-6342818	06-4832274/ 2276
2	Kampus Seremban	-	06-6342784
3	Kampus Rembau	-	06-6982309
IV. UiTM Cawangan Pahang			
1	Kampus Jengka	09-4602050	09-4602168
2	Kampus Raub	-	09-3515797/ 5792
V. UiTM Cawangan Johor			
1	Kampus Segamat	07-9352386	07-9352053
2	Kampus Pasir Gudang	-	07-3818710/ 8715
VI. UiTM Cawangan Terengganu			
1	Kampus Dungun	09-8400137	09-8400340
2	Kampus Kuala Terengganu	-	09-6216643/ 6626
3	Kampus Bukit Besi	-	09-8335235
VII. UiTM Cawangan Kelantan			
1	Kampus Machang	09-9762006	09-9762102/ 9762019
2	Kampus Kota Bharu	-	09-7417785/ 86
VIII. UiTM Cawangan Perlis			
1	Kampus Arau	04-9882222	04-9882423/ 04-9882425/ 04-9882075
IX. UiTM Cawangan Pulau Pinang			
1	Kampus Permatang Pauh	04-3822999	04-3822850/ 2799
2	Kampus Bertam	-	04-5623444
X. UiTM Cawangan Kedah			
1	Kampus Merbok	04-4562021	04-4562307/ 2308
XI. UiTM Cawangan Perak			
1	Kampus Seri Iskandar	05-3742304	05-3742079
2	Kampus Tapah	-	05-4067185
XII. UiTM Cawangan Sabah			
1	Kampus Kota Kinabalu	088-325249	088-325443
XIII. UiTM Cawangan Sarawak			
1	Kampus Samarahan	082-677243/ 4/ 5	082-677816/ 820
2	Kampus Samarahan 2	-	082-678569